

**LEGASI DATUK SERI MOHD. SHAFIE APDAL (DSSA)  
DI PARLIMEN SEMPORNA DALAM PRU-14  
LEGACY OF DATUK SERI MOHD. SHAFIE APDAL (DSSA)  
IN SEMPORNA'S PARLIAMENT IN GE14**

NORDIN SAKKE<sup>1</sup>, MD SAFFIE ABD RAHIM<sup>2</sup>, RAMLI DOLLAH<sup>3</sup>  
AMRULLAH MARAINING<sup>4</sup>, WAN SHAWALUDDIN WAN HASSAN<sup>5</sup>,  
FADILAH SARBI<sup>6</sup>

Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah,  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

*dinum@ums.edu.my; pie@ums.edu.my; ramlid@ums.edu.my;  
amrullahmaraining86@ums.edu.my; lawahs@ums.edu.my; fadilahsarbi@gmail.com*

**ABSTRAK** Semporna merupakan sebuah daerah maritim yang terletak di bahagian pantai timur Sabah. Pada PRU-14, pandangan penganalisis banyak bertumpu ke Semporna kerana reformasi politik Sabah telah bermula di daerah ini rentetan keluarnya DSSA daripada UMNO dan menubuhkan Parti Warisan. Ramai berpandangan bahawa tindakan DSSA ini sebagai menggali lubang kubur sendiri dan bakal menamatkan hayat politiknya yang telah dibina sejak 1995. Namun keputusan PRU-14 menyatakan sebaliknya, malahan beliau berjaya ditabalkan sebagai Ketua Menteri Sabah. Oleh itu, makalah ini cuba meneliti sejarah penglibatan politik DSSA yang menyebabkan beliau berjaya menonjolkan legasinya walaupun terpaksa berhadapan dengan legasi mentornya, Tun Sakaran. Bagi memahami isu ini, keputusan pilihan raya bermula PRU-9 dianalisis bersama dengan analisis kandungan laporan media-media *on-line*. Melalui analisis ini, didapati DSSA merupakan watak penting dalam politik Semporna. Ini ditunjukkan dengan jumlah undi popular dalam PRU yang disertainya kekal di atas paras 70 peratus. Walaupun rakyat Semporna sinonim dengan USNO dan UMNO tetapi perpindahan DSSA kepada parti baharu iaitu Warisan, tidak menjejaskan sokongan rakyat terhadapnya. Ini dibuktikan dengan jumlah majoriti undi yang diperolehi semasa PRU-13 dan PRU-14 adalah hampir sama iaitu sekitar 20,000 undi. Tambahan pula, parti DSSA mampu mengekalkan undi popular sebanyak 74.2 peratus di DUN Senallang dan 75.4 peratus di DUN Bugaya apabila berhadapan dengan legasi Tun Sakaran.

**Kata kunci:** Pilihan raya, PRU-14, DSSA, Semporna, Parlimen.

**ABSTRACT** *Semporna is a maritime district located on the east coast of Sabah. In the last GE-14, most of political analysts were concentrating on Semporna because of Sabah's political reformation begun in this area when the DSSA resigned from UMNO and formed Warisan Party. Many claimed that the action of DSSA as digging its own grave and will end his political life that has been built since 1995. But the results of the GE-14 said the opposite in fact he has been successfully appointed as the Chief Minister of Sabah. So, this paper tries to study the history of DSSA's political involvement that has led to its legacy includes forcing himself to face for the legacy of his mentor, Tun Sakaran. To understand this issue, the election results starting from GE-9 were analyzed along with an analysis of the content of on-line media reports. Through this analysis, it was found that DSSA was an important character in Semporna's politics. This is indicated by the number of popular votes in a contested general election remained above 70 per cent. Although the people of Semporna are synonymous with USNO and UMNO but the shifting of DSSA to Warisan Party, does not affect the people's support for him. This is evidenced by the number of majority votes obtained by the GE-13 and the GE-14 is amounting 20,000 votes. Furthermore, the DSSA party was able to maintain a popular vote of 74.2 percent in DUN Senallang and 75.4 percent in the DUN Bugaya when facing the Tun Sakaran legacy.*

**Keywords:** *Election, GE-14, DSSA, Semporna Parliament.*

## **PENGENALAN**

Pilihan raya merupakan jalan demokrasi yang kekal diterima untuk memilih pemimpin di Malaysia. Hal ini ditunjukkan melalui siri-siri pilihan raya yang telah diadakan sejak merdeka. Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 yang baharu dilaksanakan pada 9 Mei 2018 merupakan satu daripada jalan demokrasi yang sudah sedia terbentuk. Umum telah menyaksikan bahawa betapa peritnya Barisan Nasional (BN) yang telah menggenggam kuasa selama 61 tahun telah tersungkur dengan teruknya tanpa diduga. BN telah kehilangan kawalan terhadap kuasa di peringkat persekutuan yang telah beralih kepada Pakatan Harapan (PH) di bawah pimpinan oleh mantan pemimpin BN, Tun Dr. Mahathir Mohamad. BN hanya mampu menguasai 79 kerusi 222 kerusi parlimen yang dipertandingkan. Malahan beberapa negeri juga turut terlepas

kepada gabungan PH. Antaranya Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Sabah termasuk Terengganu yang dikuasai oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Ramai penganalisis politik terkejut dengan tsunami politik yang berlaku pada PRU-14. Ini kerana berdasarkan kajian-kajian politik sebelum ini, walaupun banyak isu yang dipalitkan dengan BN namun dilihat BN masih berupaya kekal mengawal Putrajaya walaupun sudah tidak mampu mencapai dua pertiga.

Dalam konteks Sabah, tsunami politik yang berlaku ini banyak tertumpu ke Semporna, sebuah daerah maritim yang terletak di bahagian pantai timur. Ini kerana reformasi politik Sabah telah bermula di daerah ini rentetan penggantungan Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie Haji Apdal (DSSA) daripada Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada 24 Jun 2016. DSSA merupakan Naib Presiden parti UMNO pada ketika itu. Turut disingkirkan daripada kabinet sebagai Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Malaysia pada 28 Julai 2015 setahun sebelum penggantungannya. Penyingkiran daripada semua jawatan dalam UMNO, kerajaan dan penggantungan DSSA sebagai ahli UMNO telah dilihat oleh rakyat Semporna sebagai '*nipohingi*' kepada kesetiaan beliau kepada kerajaan selama ini. Kebijakan DSSA dan penyokong-penyokongnya memanipulasi sentimen '*nipohingi*' serta beberapa sentimen seperti '*bog-bog*'<sup>2</sup> telah berjaya menimbulkan rasa simpati kepada beliau. Akibatnya berlaku gerakan rakyat melalui slogan '*Ununganta DSSA*'<sup>3</sup> yang telah diviralkan melalui *banner* dan poster-poster yang dipasang pada kereta. Slogan keramat ini telah tersemat sebaik mungkin di hati masyarakat bajau Semporna. Ia telah berjaya membentuk sokongan dan solidariti yang utuh kepada DSSA terutamanya di daerah Semporna yang menjadi kubu kuat kepada kelangsungan politik beliau serta beberapa daerah lain di pantai Timur Sabah. Hakikatnya, sokongan ini bukan setakat berlegar di Semporna tetapi telah merebak ke kawasan-kawasan di bahagian pantai Barat Sabah dengan bantuan sekutu beliau, Datuk Peter Anthony yang merupakan presiden Pertubuhan Kadazan Dusun Murut Malaysia (KDM Malaysia). Gabungan Bajau dan KDM berjaya mewujudkan Parti Warisan Sabah (Warisan) telah berjaya mengambil alih kerajaan pada Mei 2018.


Oleh itu, makalah ini cuba mendongak berkaitan politik DSSA di Semporna yang mencetus kepada perubahan politik di Sabah. Bermula daripada sejarah penglibatan politik beliau hingga kepada penyertaan rasminya dalam politik demokrasi akan cuba dianalisis. Bagi melihat kepada pola dan trend ini, analisis keputusan beberapa PRU lepas akan dilakukan termasuk menilai laporan kajian politik di Semporna oleh pasukan penyelidik Majlis Profesor Negara (MPN) dan beberapa kajian daripada Universiti Malaysia Sabah. Tumpuan diberikan kepada PRU-14 kerana kemampuan DSSA untuk bangkit merubah hegemoni UMNO di Sabah dan mengulangi episod pertukaran kerajaan seperti yang pernah berlaku pada 1976 (BERJAYA), 1985 (PBS) dan 1995 (UMNO). Ini kerana pada PRU-14 ramai penganalisis menjangkakan bahawa ia adalah kubur politik DSSA setelah tidak bersama dengan UMNO-BN. DSSA telah memecah mitos bahawa UMNO sebagai parti terbesar di Malaysia merupakan parti yang tidak dapat dikalahkan.

## **LATAR GEOGRAFI DAN DEMOGRAFI DAERAH SEMPORNA**

Semporna merupakan daerah yang terletak di pantai Timur Sabah. Jolokan nama Semporna berasal daripada perkataan *Simporna* yang bermaksud 'tempat untuk berehat' yang diberi oleh seorang Gabenor Inggeris, W.M Crocker apabila beliau dan beberapa orang rakannya termasuklah seorang pedagang China yang bernama Toonah menemui daerah tersebut pada pertengahan tahun 1887 (Tabrett, 1999). Jolokan nama ini sesuai dengan tempat yang diliputi oleh pulau-pulau yang cantik dengan air kebiruan yang menjadi antara 10 lokasi menyelam terbaik di dunia. Dari segi geografi, kawasan terletak pada garis bujur antara 117° 12'T hingga 119° 00'T dan garis lintang antara 4° 12'U hingga 5° 45'U. Daerah Kunak terletak di utara, manakala daerah Tawau di bahagian barat. Daerah ini mempunyai banyak pulau yang bersempadan dengan Filipina. Pekan Semporna yang terletak di bahagian barat. Berjarak 500 kilometer dari Kota Kinabalu 80 kilometer daripada Tawau. Dari segi geopolitik, P.189 Semporna terletak dalam kawasan ini yang mempunyai keluasan sekitar 1,145 kilometer persegi (Perangkaan Malaysia, 2015). Pada PRU-14, Suruhanjaya Pilihanraya (SPR, 2016a) telah menetapkan terdapat tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) yang membentuk Parlimen Semporna, iaitu N.52 Sulabayan, N.53 Senallang dan N.54 Bugaya (Rajah 1). N.54 Bugaya meliputi separuh daripada keluasan parlimen iaitu

52.55 peratus diikuti oleh N.53 Senallang (27.7 peratus) dan N.52 Sulabayan (20.18 peratus) seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.

Berdasarkan kepada bancian penduduk 2010, jumlah penduduk yang direkodkan di daerah Semporna sekitar 137,868 orang di mana 50.09 peratus adalah lelaki dan selebihnya adalah perempuan. Daripada jumlah ini, 30.26 peratus bukan terdiri daripada warga negara yang kebanyakannya berasal daripada negara jiran, Filipina. Etnik Bajau merupakan kelompok terbesar iaitu sekitar 81.70 peratus, Melayu sekitar 2.7 peratus, Cina 1.14 peratus. Bumiputera lain meliputi 12.14 peratus. Golongan muda mencakupi 27.54 peratus, golongan dewasa sekitar 13.62 peratus dan orang tua sekitar 3.80 peratus. Selebihnya golongan di bawah umur 20 tahun (Perangkaan Malaysia, 2015). Berdasarkan maklumat dalam daftar pemilih SPR pada tahun 2018 (SPR, 2018), dianggarkan 77.84 peratus sahaja penduduk yang mendaftarkan diri sebagai pemilih daripada keseluruhan penduduk yang layak mengundi pada PRU-14.



**Rajah 1** Kedudukan Geografi P.189 Semporna  
*Sumber* Ubah suai SPR (2016a)

## PENGALAMAN DAN CABARAN POLITIK DSSA

Semporna amat sinonim dengan masyarakat Bajau. Di tanah inilah lahir seorang pemimpin Pantai Timur Sabah bernama Mohd Shafie Apdal (DSSA) pada 20 Oktober 1957 di Kampung Bubul, hanya sekitar dua km dari pekan

Semporna. Semporna merupakan kawasan yang mempunyai pelbagai etnik selain Bajau. Di sebalik kepelbagaian ini, satu yang unik bagi masyarakat Semporna ialah sayang dengan DSSA. Ini kerana keprihatinannya terhadap masyarakat Semporna dengan melayan semua kerenah yang dipamerkan oleh rata-rata penduduk. Rumah biasa yang tersergam di tepi jalan utama ke pekan Semporna menjadi tempat pertemuan beliau dengan rakyat bawahan. Kebiasaannya setiap rakyat yang datang mengunjungi ke rumahnya tidak akan pulang dengan tangan kosong. Inilah kelebihan DSSA.

Beliau yang merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi daripada Staffordshire University di London, England mempunyai pengalaman yang luas dalam pentadbiran di peringkat negeri mahupun persekutuan. Memulakan kerjayanya dalam perkhidmatan awam negeri sebagai Pegawai Hal Ehwal Ekonomi dalam Kementerian Kewangan Negeri Sabah pada tahun 1982, kemudian berpindah ke Jabatan Ketua Menteri Negeri Sabah sebagai Pegawai Pentadbir Kanan pada 1984. Pada tahun 1987, menyandang jawatan Penolong Setiausaha Kanan, Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Luar Bandar Sabah. Kerana bakatnya, Tan Sri Datuk Haji Sakaran Dandai (Tun Sakaran), telah melantiknya sebagai Setiausaha politik semasa memegang Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi antara tahun 1991 hingga 1993. Bermula daripada saat ini, kerjaya DSSA di peringkat persekutuan telah bermula. Sebelum mendapat kepercayaan penuh menerajui menteri penuh, beliau telah memperkasakan diri melalui jawatan Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan (15 Mei 1995 hingga 24 Mei 1999), Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (25 Mei 1999), Timbalan Menteri Pertahanan (14 Disember 1999 hingga 29 Mac 2004). Dengan persefahaman yang kukuh dengan UMNO, beliau telah mendapat kepercayaan sebagai menteri mewakili rakyat Sabah. Dimulakan sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (30 Mac 2004 hingga 8 Mac 2008), Menteri Perpaduan Nasional, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (19 Mac 2008 – April 2009) dan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (9 Apr 2009 - 28 Julai 2015).

Dalam konteks politik, DSSA sebenarnya pada awalnya telah berkecimpung dengan Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) tetapi apabila USNO dimansuhkan dan ditukar kepada UMNO, ia turut terlibat dengan UMNO (Wn.com, 2016). Kemasukan UMNO di Sabah di

bawah Tun Sakaran semasa Tun Mahathir menjadi, telah membawa banyak buah dalam karier politiknya Tun Sakaran merupakan bapa saudara dan juga bertindak sebagai mentor kepada DSSA. Antara kejayaannya beliau dalam politik UMNO iaitu pernah dilantik sebagai Exco Pemuda UMNO Negeri bagi penggal 1993/1996, Ketua UMNO Bahagian Semporna dan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Sabah pada tahun 1995. Sebagai pemimpin yang bersinar di Sabah, ia telah mendapat tempat dalam Majlis Tertinggi UMNO antara 2000 hingga 2003. Pengalamannya sebagai ahli parlimen sejak 1995 tanpa lompang membolehkan beliau berjaya memenangi pemilihan Naib Presiden UMNO pada 2009. Beliau merupakan satu-satunya wakil ahli politik dari negeri Sabah yang pernah memegang jawatan tertinggi ke tahap ini di dalam parti terbesar di Malaysia. Namun, kelantangan beliau untuk membetulkan UMNO akibat membangkitkan isu 1 Malaysia Development Berhad (1MDB), menyebabkan beliau dipecat sebagai menteri dan digantung keahlian UMNO. Akhirnya pada 4 Julai 2013, DSSA terpaksa meninggalkan parti yang banyak berjasa kepada beliau dengan menghidupkan Parti Pembangunan Warisan Sabah yang telah di tubuh pada 2013 bagi menghadapi parti awalnya, UMNO. Sedar akan gelombang sokongan yang dimilikinya, beliau telah menubuhkan dan mengemudi Parti Warisan Sabah (Warisan) yang mendapat kelulusan daripada Pendaftar Pertubuhan (ROS) pada 17 Oktober 2016 (Olivia & Fazleena, 2016). Melalui penubuhan Warisan, DSSA berjaya menggerakkan gelombang perubahan menukar kerajaan dengan bantuan rakan-rakan daripada parti gabungan Pakatan Harapan (PH) di Semenanjung Malaysia. Natiujahnya, pada PRU-14 pada 9 Mei 2018, Warisan berjaya membentuk kerajaan dengan bantuan lompatan daripada beberapa calon BN yang menang daripada UPKO dan UMNO. Dengan tsunami politik yang berlaku pada Mei 2018, beliau berjaya menjadi Ketua Menteri Sabah.

Walau bagaimanapun pencapaian yang dikecapi oleh DSSA tidak hanya diwarnai dengan lakaran keindahan. Terdapat banyak isu yang dihadapi telah menjadikan beliau seorang pemimpin yang tabah, tenang dan berjaya dalam mengharungi karier beliau sebagai seorang ahli politik. Antaranya isu tuduhan skandal peribadi dengan artis muda bernama Zahida Rafik (Zakri, 2015), penyelewengan dana awam bernilai RM1.5 bilion di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) di Sabah (Suzianah & Mohd Izham, 2017) yang dikaitkan dengan dua adiknya iaitu Datuk Yusof Apdal



dan Hamid Apdal yang didapati mengawal 23 buah syarikat (SabahKini2, 2017), rasuah terbesar dalam Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) (Kelapa Mawar, 2016), skandal pembelian Dudley House di Melbourne, Australia oleh MARA didakwa terlebih bayar sebanyak AS\$4.75 juta (RM13.8 juta) yang melibatkan orang kuatnya, Datuk Mohammad Lan bin Allani sehinggakan kontraknya sebagai Pengerusi MARA Incorporated Sdn. Bhd. ditamatkan (Ariffuddin, 2015) dan krisis Musa-Shafie berkaitan peruntukan kewangan KKLW yang disalurkan kepada Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah tanpa melalui kerajaan negeri dan perebutan ingin menjadi ketua menteri. Kesemua isu ini sedikit sebanyak menggugat institusi kekeluargaannya dan juga masa depan politiknya ketika itu. Namun, cabaran DSSA yang terbesar apabila beliau dipecat daripada UMNO yang dilihat sebagai penamat kepada karier politiknya oleh kebanyakan penganalisis politik. Namun kemampuannya mengerakkan sentimen etnik 'Bajau-Suluk dan Dusun' dengan sokongan kumpulan etnik minoriti lain di Sabah serta beberapa isu politik di peringkat nasional dan negeri telah mengangkat beliau ke tampuk kuasa yang tertinggi di negeri Sabah, iaitu Ketua Menteri Sabah.

## **LEGASI DSSA DI SEMPORNA**

Kemasukan UMNO ke Sabah membawa tuah kepada DSSA. Kemasukan UMNO angkara perselisihan di antara Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) dan kerajaan Parti Bersatu Sabah (PBS) pada tahun 1985/1986, berjaya digunakan UMNO untuk menggantikan USNO untuk berhadapan dengan PBS. Tun Datuk Haji Mustapha berfikiran, peranan USNO di Sabah perlu diambil alih oleh sebuah parti yang kuat kerana USNO tiada kekuatan lagi terutama daripada segi kewangan dan telah menjadi pembangkang selama 14 tahun (bermula tahun 1976). Bermula tahun 1990, UMNO berjaya melebarkan sayap ke Sabah dan secara rasminya apabila bertanding dalam pilihanraya kecil (PRK) DUN Usukan pada 12 Mei 1991. Pada tahun 1994, UMNO telah bertanding dalam Pilihanraya Negeri (PRN) bagi mewakili kerusi bumiputera Islam. Kebetulan PRN Sabah diadakan secara berasingan dengan PRU membolehkan jentera UMNO dan BN seluruh negara di pusatkan di Sabah. Keputusannya, PBS menang tipis 25 kerusi daripada 48 yang dipertandingkan. Keadaan ini digunakan sebijaknya oleh Dr. Mahathir



(Perdana Menteri) dibantu oleh timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim mengucar-kacirkan keadaan sehingga ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) PBS iaitu Rubin Balang dan Datuk Lajim Ukim telah melompat menyertai UMNO. Akhirnya PBS tumbang dan UMNO memulakan legasinya di Sabah (Sabihah, 2008).

Bagi memastikan cengkaman UMNO, strategi pecah-perintah dan pergiliran ketua menteri menjadikan legasi UMNO BN menjadi kukuh. PBS telah berjaya dipecah- pecahkan kepada beberapa parti. Antaranya Parti Demokratik Sabah (PDS) (kemudiannya dikenali sebagai United Pasokmomogun KadazanDusun Murut Organization (UPKO) diterajui Bernard Dompok, Sabah People Progressive Party (SAPP) dipimpin oleh Yong Teck Lee, Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) pimpinan Joseph Kurup dan Angkatan Keadilan Rakyat (AKAR) di ketuai oleh Mark Koding. Bagi memastikan sokongan berterusan daripada masyarakat Sabah yang berbilang kaum kepada UMNO, kaedah pergiliran ketua menteri telah dilaksanakan daripada 1994 sehinggalah politik Sabah stabil pada 2003 apabila PBS kembali ke pangkuan BN pada tahun 2002 (Sabihah, 2008). Bermula daripada BN semakin berkuasa di Semporna dan telah menang keseluruhan PRU kecuali PRU-14 (Jadual 1).

### **DSSA DALAM PRU-9 HINGGA PRU-13**

Politik Semporna amat unik dan menarik untuk diteliti. Ini kerana politik keluarga amat mewarnai dominasi politik Semporna. Sekiranya di daerah Tambunan, orang mengenali keluarga Kitingan, di Kota Belud orang mengenali keluarga Tun Said manakala di Semporna orang mengenali keluarga Tun Sakaran. Keluarga Sakaran telah mendominasi politik Semporna sejak tahun 1978 iaitu sejak bersama USNO. DSSA yang juga memulakan karier politiknya dalam USNO juga merupakan jalur keluarga Tun Sakaran. Tun Sakaran merupakan pakcik kepada DSSA. Bakatnya yang menyinar menyebabkan Tun Sakaran telah membantu beliau untuk memimpin Semporna. Tuah DSSA bergemerlapan dengan kemasukan UMNO ke Sabah. Kebetulan, Tun Sakaran adalah orang yang bertanggungjawab membawa UMNO ke Sabah dan menjadi pengerusi Perhubungan UMNO Sabah yang pertama (Helme, 2016). Penguasaan DSSA di Parlimen Semporna bermula

apabila Tun Sakaran yang merupakan Ahli Parlimen Semporna dan juga Ketua Menteri Sabah ke-8 telah dilantik menjadi Tuan Yang Terutama (TYT) Sabah pada 1 Januari 1995. Ini telah membuka ruang kepada DSSA terlibat secara langsung dalam politik demokrasi apabila Tun Sakaran memberi restu untuk DSSA menggantikannya di Parlimen P.164 Semporna setelah pembubaran parlimen pada 6 April 1995. PRU-9 diadakan pada 24-25 April 1995 menjadi permulaan rasmi kepada penglibatan DSSA sebagai ahli politik di Semporna. Pencalonan ini secara tidak langsung sebagai usaha parti UMNO-BN untuk mengetengahkan calon muda di kawasan berkenaan setelah sekian lama Tun Sakaran selaku tokoh politik veteran Semporna menjadi ahli parlimen kawasan berkenaan sejak tahun 1978.

Jika dilihat rentetan PRU di Parlimen Semporna, DSSA telah ditentang oleh dua parti besar iaitu parti PBS dan PKR seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. PBS hanya muncul sekali dalam PRU iaitu pada permulaan karier politik demokrasi DSSA. Manakala PKR merupakan lawan yang tegar apabila muncul beberapa kali dalam tahun 2004, 2008 dan 2013. Selain dua parti ini, DSSA juga mendapat tentangan dari calon bebas yang telah muncul saban PRU kecuali pada PPRU-12. Bermula pada PRU-9, di saat kali pertama diturunkan sebagai calon muda, DSSA menghadapi tentangan daripada calon PBS yang menurunkan Sabardin Ombrah. Sebagai calon anak didik Tun Sakaran, DSSA tidak menghadapi masalah besar dalam memenangi P.164 Semporna pada PRU-9. Keputusan penuh menyaksikan DSSA memperoleh undi majoriti yang agak besar sekitar 12,218 undi (SPR, 2008) di mana jumlah ini merupakan 55.0 peratus daripada jumlah pengundi yang hadir. Peratus majoriti ini agak besar jika dibandingkan undi yang diperoleh oleh mentornya para PRU-8 yang hanya mampu meraih 17.5 peratus undi majoriti. Pada PRU-9, DSSA telah memperoleh sebanyak 17,006 (76.6 peratus) berbanding calon PBS, Sabardin Ombrah sekadar memperoleh undi sebanyak 4,788 (21.6 peratus) undi. Seterusnya pada PRU-10 yang diadakan pada 29 November 1999, DSSA sekali lagi diberi kepercayaan untuk menjadi calon BN di kawasan Parlimen P.164 Semporna. Pada PRU kali ini, tiada parti yang sanggup berhadapan dengan DSSA. Oleh itu beliau ditentang oleh calon bebas iaitu Abdul Rahim @ Abdurahim. Walaupun sebagai calon bebas, Abdul Rahim telah memberi saingan yang cukup hebat setanding dengan kehadiran parti PBS pada PRU-9. Ini ditunjukkan dengan peratus majoriti dan peratus jumlah

undi yang diterima oleh DSSA tidak jauh berbeza dengan keputusan PRU-9. Peratus majoriti yang diterima sekitar 55.2 peratus, manakala peratus jumlah undi sekitar 76.9 peratus. Ini menunjukkan bahawa DSSA tidak menghadapi masalah untuk meneruskan hegemoni politik beliau di P.164 Semporna dengan memperoleh undi sebanyak 18,570 undi berbanding calon lawannya, Abdul Rahim @ Abdurahim yang sekadar memperoleh 5245 undi sahaja.

Pada PRU-11 yang diadakan pada 21 Mac 2004, memperlihatkan tidak wujud blok pembangkang yang padu bagi menentang DSSA. Jikalau sebelum ini, DSSA hanya berhadapan dengan satu lawan satu, namun kali ini agak berbeza. DSSA ditentang oleh Parti Keadilan Rakyat (PKR) bersama tiga calon bebas yang lain. Walaupun PKR mampu memenangi 5 kerusi parlimen di semenanjung Malaysia pada PRU-10 (Kay, 2018) dan dilihat antara parti yang menonjol di peringkat nasional, bagaimanapun arah aliran tersebut masih tidak begitu ketara di Semporna khususnya dan di Sabah keseluruhannya. Ini dilihat apabila PKR tidak berupaya menyatukan rakyat Semporna di blok pembangkang menyebabkan muncul calon-calon bebas. Apa yang menarik ialah berlakunya pertembungan antara legasi kepimpinan Tun Sakaran iaitu OKK Datuk Panglima Abdullah bin Uddang dengan Datuk Panglima Jakarullah Boraluddin. Kem politik ini telah wujud semasa perebutan jawatan Ketua Bahagian USNO Semporna pada tahun 1966 di mana pada ketika itu kem Datuk Panglima Jakarullah telah dapat merampas ketua Bahagian daripada Datuk Panglima Abdullah bin Uddang (Abdullah Sani, 2010). Walaupun kem Panglima Abdullah kalah ketika itu, namun legasinya telah kembali mendominasi politik Semporna pada 1976 apabila Tun Sakaran yang merupakan menantu Panglima Abdullah telah memenangi Parlimen Semporna. Pada PRU-11, pertembungan antara dua kem ini berulang kembali. DSSA yang merupakan jalur kem Tun Sakaran bertembung dengan Madjalis Lais yang merupakan jalur kem Panglima Jakarullah. KK Lais yang merupakan ayah kepada Madjalis adalah pemimpin dari Kampung Tabak-Tabak, Pulau Bum-Bum yang pernah menjadi AJK penaja bagi parti USNO bahagian Semporna. Oleh itu PKR cuba menggunakan pengaruh Panglima Abdullah dan meletakkannya Mohd Abdul Wahab Pg. Abdullah sebagai calon. Ini menimbulkan rasa tidak senang bagi keluarga KK Lais dan meletakkan Madjalis Lais sebagai calon bebas. Akibat daripada pertembungan lima penjuru, menyebabkan peratus undi DSSA telah sedikit merosot sebanyak 4.1

peratus berbanding PRU-10 namun dari segi peratus majoriti menunjukkan peningkatan sebanyak 8.5 peratus. Jumlah undi yang diperoleh oleh DSSA sebanyak 13,970 dengan majoriti kemenangannya keseluruhan sebanyak 12,266 undi.

Pada PRU-12 yang dilaksanakan pada 8 Mac 2008, blok pembangkang sedar akan kekuatan DSSA. Oleh itu PKR telah berjaya memujuk calon-calon lain agar wujud pertandingan 2 penjuror di kawasan parlimen P. 189 Semporna. Walaupun gagal semasa PRU-11, ia tidak mematahkan semangat PKR untuk terus meletakkan calon menentang DSSA. Abdul Aziz Abdul Hamid merupakan individu dari keluarga kepimpinan Abu Sari dari Pulau Denawan Semporna. Pengaruh legasi ini pernah berada di kemuncak kepimpinan di Semporna pada tahun 1982 apabila abang beliau, Abdillah Abdul Hamid buat pertama kalinya mengalahkan Tun Sakaran Dandai dalam pilihan raya umum. Atas pengaruh tersebut, ia dipilih oleh PKR setelah legasi Panglima Abdullah gagal mendapat tempat di hati rakyat Semporna. Walaupun strategi satu lawan satu berjaya di lakukan oleh blok pembangkang, DSSA yang terkenal dengan gelaran budak kampung telah memperoleh kemenangan terbaik dalam sejarah penglibatannya dalam politik demokrasi pilihan raya (Rajah 2). Ini digambarkan dengan peratus jumlah undi yang diterima agak besar sekitar 87.4 peratus (19,419 undi), manakala peratus majoriti sekitar 78.6 peratus (17,462 undi).

CALON	PARTI	PRU-8 (1990)		PRU-9 (1995)		PRU-10 (1999)		PRU-11 (2004)		PRU-12 (2008)		PRU-13 (2013)	
		JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%
Abdillah Hj. Abdul Hamid	BEBAS	7,574	40.8	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Sabariah Omrah	PBS	-	-	4,788	21.6	-	-	-	-	-	-	-	-
Abdul Rahim @ Abdurahim	BEBAS	-	-	-	-	5,245	21.7	-	-	-	-	-	-
Noraidah Abdul Salleh	BEBAS	-	-	-	-	-	-	816	3.9	-	-	-	-
Mohd Abdul Wahab Pg Abdullah	KeADILan	-	-	-	-	-	-	740	3.5	-	-	-	-
Madjalis Lais	BEBAS	-	-	-	-	-	-	1,896	9.1	-	-	-	-
Aldani Landi	BEBAS	-	-	-	-	-	-	1,286	6.1	-	-	-	-
Ab Aziz Ab Hamid	PKR	-	-	-	-	-	-	-	-	1,957	8.8	-	-
Zamree @ Mohd Suffian Abdul Habi	PKR	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	4,654	14.7
Datu Badaruddin Tun Datu Hj Mustapha	BEBAS	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	325	1.0
Tan Sri Datuk Haji Sakaran Dandai	BN	10,823	58.3	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
<b>Mohd. Shafie Haji Apdal</b>	<b>BN</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>17,006</b>	<b>76.6</b>	<b>18,570</b>	<b>76.9</b>	<b>15,215</b>	<b>72.7</b>	<b>19,419</b>	<b>87.4</b>	<b>25,559</b>	<b>80.9</b>
<b>MAJORITI</b>		<b>3,258</b>	<b>17.5</b>	<b>12,218</b>	<b>55.0</b>	<b>13,325</b>	<b>55.2</b>	<b>13,319</b>	<b>63.7</b>	<b>17,462</b>	<b>78.6</b>	<b>20,905</b>	<b>66.2</b>
<b>BILANGAN PENGUNDI YANG HADIR</b>		<b>18,566</b>		<b>22,197</b>		<b>24,155</b>		<b>20,918</b>		<b>22,209</b>		<b>31,595</b>	
<b>PERATUSAN PENGUNDIAN</b>		<b>57.70</b>		<b>66.59</b>		<b>58.48</b>		<b>61.94</b>		<b>63.07</b>		<b>76.04</b>	

**Jadual 1** Kekuatan DSSA berbanding lawan antara PRU-9 hingga PRU-13  
Sumber Ubah suai daripada SPR (2008, 2018a)


Kemenangan DSSA pada PRU-12 membolehkan beliau sekali lagi diberi kepercayaan oleh UMNO-BN untuk menyumbang satu kerusi dikala BN sudah mula hilang sokongan dua pertiga di Parlimen. Kali ini, legasi DSSA ini dicabar oleh Badaruddin Datu Mustapha daripada calon bebas dan Dr. Zamree @ Mohd Suffian Abdul Habi dari PKR. PKR mengemukakan calon profesional yang berlatar belakangkan doktor pakar bedah perut di salah satu hospital swasta di Kota Kinabalu. Manakala calon bebas iaitu Datu Badaruddin Datu Mustapha merupakan anak bekas 'Bapa Kemerdekaan' Sabah, Tun Datu Mustapha Datu Harun. Ternyata DSSA terus kekal sebagai calon pilihan majoriti rakyat Semporna untuk penggal kelima. Rekod ini menunjukkan bahawa reputasi politik dan sokongan rakyat di Parlimen Semporna terhadap DSSA sejak menggantikan Tun Sakaran ternyata sukar untuk digugat. DSSA memperoleh undi sebanyak 25,559 undi. Manakala, calon Parti PKR Dr. Zamree @ Mohd Suffian Abdul Habi sekadar memperoleh undi sebanyak 4,654. Seterusnya calon bebas, Datu Badaruddin Datu Mustapha telah hilang wang pertaruhan apabila sekadar memperoleh undi sebanyak 325 undi. Walaupun berlaku peningkatan jumlah undi, namun peratusan undi beliau merosot sebanyak 6.5 peratus berbanding PRU sebelumnya. Begitu juga dengan jumlah majoriti, berlaku penyusutan peratus sebanyak 12.5 peratus, walaupun dari segi jumlah undi majoriti meningkat kepada 20,905 undi.

Jika dilihat senario PRU-9 hingga PRU-13, sokongan rakyat Semporna kepada DSSA adalah amat membanggakan berdasarkan pola yang ditunjukkan dalam Jadual 1 dan Rajah 2. Ini dilihat berdasarkan peratus jumlah undi yang diperoleh antara 72.7 peratus (2004) hingga 87.4 peratus (2008) dengan purata sekitar 78.7 peratus. Dalam tempoh ini jumlah undi DSSA telah meningkat secara positif bagi aspek jumlah undi, peratus undi dan jumlah majoriti yang diterima. Purata peningkatan undi yang diperoleh sekitar 3,800 undi. Pencapaian terbaiknya apabila kali pertama bertanding pada 1995 (PRU-9) di mana berlaku peningkatan sebanyak 6,183 undi bersamaan 18.3 peratus. Peratus undi yang diterima sebanyak 76.6 peratus berbanding 58.3 peratus semasa Tun Sakaran. Begitu juga pada tahun 2008 (PRU-12), berlaku peningkatan undi sebanyak 14.7 peratus. Jumlah ini berdasarkan undi yang diterima pada 2008 sebanyak 19,419 berbanding 15,215 pada 2004 iaitu berlaku pertambahan undi sebanyak 4,204. Selain terdapat peningkatan, berlaku juga penyusutan dari segi peratus dan jumlah undi. Pada PRU-13,

walaupun jumlah undi yang diterima meningkat sebanyak 6,140 tetapi peratus jumlah yang diterima adalah menyusut sebanyak 6.5 peratus. Situasi ini dikaitkan dengan isu nasional berkaitan dengan beberapa isu kepincangan dan salah urus pentadbiran dan kewangan negara telah memberi kesan kepada corak pemilihan pada ketika itu terutamanya dalam kalangan pengundi baharu. Pada masa itu peratus turun mengundi agak tinggi iaitu 76.0 peratus (31,595 undi) berbanding 63.1 peratus (22,209 undi) pada PRU-12. Ditambah lagi jika dilihat dari sudut sejarah, pertandingan lebih daripada 2 penjuror menyebabkan peratus undi yang memihak kepada DSSA akan turut merosot seperti PRU-11 (5 penjuror) merosot sebanyak 4.1 peratus. PRU-13 (3 penjuror) merosot 6.5 peratus dan PRU-14 (4 penjuror) menyusut sebanyak 3.4 peratus.

PRU-11 yang diadakan pada tahun 2004 merupakan sejarah agak pahit dalam keputusan pilihan raya. Ini kerana pada masa ini jumlah undi yang diterima oleh DSSA jauh merosot iaitu sebanyak -3,355 undi. Begitu juga peratus undi merosot sebanyak -4.1 peratus. Terdapat isu besar yang berlaku di peringkat negeri ketika itu yang mengguris hati masyarakat Muslim di bahagian pantai timur Sabah. Walaupun pada masa itu BN menang besar dalam sejarah di bawah teraju Tun Ahmad Badawi dengan menguasai 90.4 peratus kerusi di dewan rakyat, namun Ops Nyah, iaitu proses penangkapan dan deportasi pendatang asing di Sabah antara tahun 2002 dan 2003 memberi kesan kepada politik Sabah. Jelasnya masyarakat Muslim di Sabah yang mempunyai ikatan yang rapat dari segi agama tidak berpuas hati dengan operasi ini. Di samping itu, di bawah Ops Nyah semasa Chong Kah Kiat menjadi Ketua Menteri Sabah juga menumpukan kepada usaha merobohkan rumah-rumah setinggan atas air di Sandakan, Tawau termasuk Semporna, Kota Kinabalu, Kudat dan beberapa kawasan lain di negeri Sabah (Ramli, *et al.*, 2003 dan Ramli & Kamarulnizam, 2018). Semasa Ops Nyah, rumah-rumah yang dirobohkan atas alasan penyingkiran pendatang dan jenayah. Walaupun setinggan, ramai pengundi yang tinggal di kawasan berkenaan dan perobohan ini menimbulkan simpati dan belas kasihan kepada mangsa yang mempunyai kaitan kekeluargaan. Beberapa sektor terkesan akibat kekurangan pekerja di ladang. Industri runcit dan gerai makan sehinggalah sektor pengangkutan mengalami kerugian disebabkan kurang pelanggan. Penduduk yang dijanjikan penempatan semula akibat perobohan diabaikan pasca Ops Nyah. Kesemua ini sedikit sebanyak telah menjejaskan undi DSSA di parlimen Semporna.

Selain isu Ops Nyah, beberapa dasar yang telah dilaksanakan telah memberi kesan kepada penduduk nelayan dan penduduk pulau dan pesisir pantai akibat pengharaman *pump-boat* sebagai contoh (Ramli & Wan Shawaluddin, 2006 dan Ramli & Wan Shawaluddin, 2011).



**Rajah 2** Peratus undi dan jumlah majoriti yang diperolehi oleh DSSA  
 Sumber Ubah suai daripada SPR (2008, 2018a, 2018b)

## PRU-14 DAN PENONJOLAN LEGASI DSSA

Keputusan PRU-14 merupakan kejutan besar kepada politik Sabah yang di dominasi oleh BN sejak tahun 1995. Perubahan sikap masyarakat pelbagai kaum dan sentimen tinggi dalam kalangan anak-anak muda untuk melakukan perubahan telah mengubah pola politik Sabah. Pakatan Harapan (PH) versi Sabah yang dipimpin oleh parti Warisan telah berjaya membolosi takhta kuasa di peringkat DUN pada PRU kali ini. Dengan slogan ‘Sabah Ubah’, PH telah memenangi sebanyak 29 daripada 60 kerusi di mana Warisan memenangi 21, Parti Tindakan Demokratik (DAP) memenangi 6 kerusi dan PKR sebanyak 2 kerusi. Tindakan dua ADUN UPKO, Ewon Benedict (Kadamaian) dan Abidin Madingkir (Pagingatan) dan beberapa orang ADUN UMNO yang memberi sokongan mereka untuk bersama PH, menjadikan PH berjaya membentuk kerajaan dengan majoriti mudah. Akhirnya pada



12 Mei 2018, DSSA mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Sabah di hadapan Yang Di-Pertua Negeri, Tun Datuk Seri Panglima Juhar Mahiruddin (Bagang, 2018). Keputusan ini adalah disebabkan oleh UMNO-BN sarat dengan masalah di peringkat nasional seperti 1MDB, GST, pengangguran, salah guna kuasa dan beberapa isu lokal seperti pengangguran, kronisme di kalangan kerabat ADUN, nepotisme keluarga Tun Sakaran dan masalah dalaman UMNO Semporna.

Sebenarnya jika disoroti ke belakang, penonjolan legasi DSSA adalah angkara isu 1MDB. Walaupun isu ini mendatangkan masalah besar bagi parti asal DSSA iaitu BN, tetapi isu ini yang menjadi sebab bagi membolehkan DSSA menjadi pemimpin nombor 1 di Sabah. 1MDB merupakan syarikat pelaburan strategik yang ditubuhkan pada Januari 2009 melalui penaiktarafan *Terengganu Investment Authority* (TIA). 1MDB telah ditubuhkan sebagai suatu langkah inisiatif strategik pembangunan ekonomi negara Malaysia untuk jangka masa panjang, dengan mendapatkan kerjasama dan menggalakkan pelaburan langsung asing (Sidhu, 2009). Penglibatan 1MDB dengan projek mega yang mengakibatkan ia berhutang sebanyak 42 billion (Desai & Menon, 2015) telah menimbulkan kebimbangan banyak pihak bagaimana ia diurus. PH yang merupakan parti pembangkang ketika itu melihat isu ini sebagai bola tanggung dan berjaya diolah sehingga berupaya memberi persepsi sangat buruk terhadap BN di mata rakyat terutamanya dengan kemasukan sebanyak RM2.6 bilion ke dalam akaun peribadi Datuk Najib. Akibatnya timbul kegusaran di kalangan menteri-menteri BN yang menyebabkan timbul perbezaan pendapat. Ini buktikan dengan tularnya video Ucapan ‘Muhyiddin Yassin Hentam 1MDB’ pada Mei 2015 berkaitan dengan taklimat dengan pemimpin UMNO (Leo, 2015) yang juga turut dipalitkan dengan DSSA. Banyak soalan-soalan mengenai 1MDB diajukan dalam pertemuan UMNO, dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO dan di Parlimen telah dikemukakan oleh DSSA bersama dengan Tan Sri Muhyiddin Yasin dan Dato’ Seri Mukhriz Mahathir, namun jawapan yang diberikan tidak meyakinkan. Kelantangan DSSA dan beberapa pimpinan UMNO dalam kabinet tidak disenangi oleh Datuk Najib menyebabkan rombakan kabinet telah dilakukan 28 Julai 2015. DSSA digugurkan sebagai Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Tan Sri Muhyiddin Yasin digugurkan sebagai Timbalan Perdana Menteri. Tindakan mereka yang kerap kali mengeluarkan

kenyataan secara terbuka menyebabkan keahlian mereka dalam UMNO mula dipersoalkan mengakibatkan DSSA digantung keahlian pada 24 Jun 2016 (Dalia, 2016) semasa beliau sedang menunaikan Umrah. Berikutan keputusan itu, pada 27 Jun 2016, naib ketua UMNO Bahagian Semporna, Datuk Jaujan Sambakong mengumumkan keluar parti bersama tiga ketua sayap dan 300 ketua cawangan (Malaysiakini, 2016). Tindakan Datuk Jaujan dan tiga sayap UMNO Semporna ini telah memberi kekuatan kepada DSSA untuk berjuang dari tanah Semporna bagi melawan UMNO-BN.

Tindakan pengguguran dari jawatan kabinet dan penggantungan keahlian UMNO menyebabkan ia semakin popular. Media berjaya digunakan untuk menonjolkan DSSA terhadap jerawaraya (*road-show*) ang dibuat berkaitan kepincangan 1MDB. Keberaniannya mencabar hegemoni BN dengan menegur pemimpin nombor 1Malaysia, menjadikannya seorang wira yang dipandang tinggi. Antaranya strategi DSSA dengan bertemu penyokongnya di Kampung Bubul Lama, Semporna Sabah. Kebijakan beliau bermain bahasa untuk mengundur diri keluar dari UMNO mendapat sambutan ribuan penyokongnya di perkarangan rumahnya. Dalam tempoh penggantungan menunggu laporan daripada Jawatankuasa Disiplin UMNO, DSSA telah meletak jawatan Naib Presiden UMNO dan keluar dari parti berkenaan pada 4 Julai 2016. Penyokong tegar DSSA di Semporna menaikkan *banner*, gegantung dan melekat poster di kereta sebagai tanda solidariti terhadap DSSA. Rakyat termasuk pegawai kerajaan secara terbuka menunjukkan sokongan. Ini menyebabkan UMNO menjadi lemah di Parlimen Semporna termasuk Sabah. Ini diakui oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, dalam siri lawatannya di Semporna 15 April 2017 yang mana dalam ucapannya memberi amaran kepada pemimpin negeri ini bahawa parti Warisan adalah ancaman kepada UMNO-BN di Sabah (Au, 2017). Ini berikutan sambutan luar biasa terhadap Siri Jelajah Parti Warisan Sabah di mana-mana tempat DSSA kunjungi.

Rentetan daripada itu beliau telah mengasaskan Parti Warisan Sabah (Warisan) yang telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan (RoS) pada 17 Oktober 2016 (Olivia & Fazleena, 2016). Parti ini berorientasikan hak-hak Sabah sebagai fokus perjuangannya.

Dengan strategi Sabah untuk Orang Sabah, DSSA telah berjaya meyakinkan kepada rakyat bahawa tiada pengaruh ‘Parti Semenanjung’ terhadap Warisan. Warisan akan memastikan anak-anak Sabah yang akan membuat keputusan untuk orang Sabah. Walaupun begitu wujud persefahaman dengan PH secara tidak langsung. Ini ditunjukkan melalui pembahagian kerusi pada PRU-14 di mana Warisan bertanding 45 kerusi, DAP bertanding 7 kerusi dan PKR bertanding 8 kerusi (Utusan Online, 2018).



**Rajah 3** Kehadiran ribuan penyokong DSSA di kediamannya  
*Sumber Borneo Today, 2017*

Pengumuman pembubaran parlimen pada 7 April 2018 menjadi permulaan kepada pertarungan sengit parti-parti politik sama ada lama dan baharu. Kawasan parlimen P.189 Semporna menjadi tumpuan ramai pemerhati politik kerana ia menyaksikan hala tuju masa depan politik DSSA yang terpaksa berdepan dengan parti yang menggilap bakatnya dan juga mentornya Tun Sakaran. Sesuatu yang amat memeritkan kerabat terdekatnya, Datuk Yusof Apdal juga bertindak melawan parti yang diasaskannya di N.50 Lahad Datu, Parlimen Silam. PRU-14 ini bukan setakat pertembungan kumpulan UMNO vs Warisan, tetapi juga pertembungan individu yang sudah lama bersengketa dalam politik Sabah dan juga pertembungan legasi DSSA dengan legasi mentornya, Tun Sakaran. Persengketaan sengit antara

Datuk Seri Panglima Musa dan DSSA telah diketahui umum. Sudah pasti pilihan raya ke-14 menjadi medan misi ‘*do-or-die*’ (bertarung habis-habisan) bagi kedua-dua pihak. DSSA yang mempertahankan kerusi parlimen Semporna ditentang oleh proksi Datuk Seri Panglima Musa iaitu Datuk Ramlee Marahaban. Beliau merupakan bekas ADUN N.54 Bugaya. Yang memeritkan DSSA ialah partinya terpaksa berhadapan dengan anak-anak mentornya iaitu Datuk Nasir Sakaran (bekas ADUN Senallang merangkap Pemangku Ketua Bahagian UMNO Semporna) di N.53 Senallang dan Datuk Razak Sakaran (Bendahari UMNO Bahagian Semporna) di N.54 Bugaya. Bagi memastikan masa depan politiknya bersinar, misi ‘*do-or-die*’ terpaksa dihadapinya dengan tabah. Beliau yang sepatutnya akan bertanding di DUN Bugaya terpaksa menukar ke DUN Senallang bagi menghadapi Datuk Nasir yang merupakan ADUN di kawasan tersebut. Manis Muka Mohd Darah yang merupakan bekas Ketua Wanita UMNO Semporna yang juga merupakan anak kepada Datuk Mohd Dara Langpad, bekas ahli Parlimen Semporna yang pertama pada zaman USNO diletakkan melawan adik Datuk Nasir, iaitu Datuk Razak. Manakala Datuk Jaujan Sambakong (bekas ADUN Sulabayan) dibiarkan berhadapan dengan Datuk Haji Harman Mohamad (Ketua Penerangan UMNO Bahagian Semporna). Strategi ini bagi memastikan semua 3 DUN dan parlimen Semporna dapat dikuasai oleh Warisan.


Pada PRU-14 yang diadakan pada 9 Mei 2018, DSSA ditentang oleh UMNO-BN, Harapan Rakyat dan PAS. Keputusan PRU yang memihak kepada DSSA di peringkat parlimen sudah dijangka. Ini berdasarkan kepada temu bual secara tidak rasmi dengan ketua Balai Pulau Bum-Bum dan dibuktikan dengan kajilidikan lapangan yang dilakukan dua bulan sebelum pembubaran Parlimen dan DUN. Berpandukan kepada Rajah 4b, daripada 500 responden yang ditemui di Pulau Bum-Bum, 87.3 amat menyukai DSSA berbanding 3.0 peratus yang ditunjukkan oleh Datuk Ramlee. Walaupun ramai yang masih sayangkan UMNO seperti ditunjukkan dalam Rajah 4a, tapi motto ‘*Ununganta DSSA*’ telah tersemat di hati penduduk membolehkan DSSA kekal tidak lentur di jiwa penduduk Semporna. Kata-kata keramat ‘*Ununganta DSSA*’ menyebabkan ramai penduduk apabila ditanya berkaitan sokongan mereka terhadap DSSA, dengan nada berani dan yakin mereka kata:

*Datuk Shafie ke kiri, kami ke kiri  
Datuk Shafie ke kanan, kami ke kanan... Kami mesti sokong la Datuk  
Shafie.....*  
(Temu bual, Taufik, 2 Februari 2018)

Bagi penduduk di atas pagar tetapi menunjukkan sokongan kepada DSSA, mereka akan mengatakan;

*Memang kami sokong Datuk Shafie...  
Tapi bukanlah ikut lawan kerajaan...  
Kami hormat dia pemimpin Semporna....  
Banyak jasanya.....*  
(Temu bual, Mokhtar (bukan nama sebenar), 2 Februari 2018)

**Rajah 4** Persepsi penduduk Pulau Bum-Bum terhadap parti politik dan pemimpin



Sumber Kerja lapangan Pulau Bum-Bum (2018)

Keputusan PRU-14 amat memeranjatkan. Malahan janji Datuk Seri Najib Tun Razak untuk menaik taraf jalan raya sepanjang 18 kilometer dari bulatan simpang udang Kunak hingga ke Pekan Semporna daripada dua laluan kepada empat laluan yang dijanjikan pada 9 April 2018 tidak memberi kesan kepada penduduk Semporna. Begitu juga dengan janji pembinaan jambatan menghubungkan Pulau Bum-Bum dengan tanah besar Semporna langsung dipandang sepi (*MStar*, 2018). Malahan DSSA berjaya meningkatkan jumlah undi dan jumlah majoriti parlimen iaitu masing-masing sebanyak 1,250 undi dan 231 undi. Walaupun peratus jumlah undi secara keseluruhannya merosot kepada 77.5 peratus berbanding 80.9 peratus pada PRU-13, namun peratus

ini lebih tinggi berbanding PRU-9, PRU-10 dan PRU-11 semasa DSSA berada dalam UMNO (Rajah 2). DSSA memperoleh undi sebanyak 26,809 undi, manakala Datuk Ramlee Marhaban yang merupakan calon BN hanya memperoleh undi sebanyak 6,135 (17.7 peratus). Dua lagi penentangannya hilang wang pertaruhan iaitu Asmara Asmad dari parti Harapan Rakyat sekadar memperoleh undi sebanyak 98 undi (0.3 peratus) dan Abdul Nasir Abdul Raup dari PAS dengan memperoleh undi sebanyak 384 undi (1.1 peratus). DSSA memperoleh majoriti sebanyak 20,674 undi bersamaan 59.7 peratus daripada jumlah pengundi yang hadir. Peratus majoriti ini adalah lebih tinggi berbanding dengan apa yang diperolehinya semasa UMNO-BN pada PRU-9 dan PRU-10.

Dalam usaha DSSA untuk menerajui Sabah, beliau juga turut bertanding di N.53 Senallang. Buat julung kalinya ia bertembung dengan sepupunya Datuk Nasir yang merupakan anak mentornya, Tun Sakaran. Walaupun Datuk Nasir merupakan ahli politik berpengalaman, pernah memegang portfolio Menteri di Jabatan Ketua Menteri dan merupakan penyandang DUN Senallang, tetapi kelibatnya yang tidak disenangi oleh rakyat kerana tidak banyak membantu dalam pembangunan Semporna memudahkan DSSA berhadapan dengannya. DSSA berjaya menjinakkan Datuk Nasir dengan jumlah undi yang agak besar sekitar 7,754 (74.2 peratus) di mana jumlah undi ini lebih besar berbanding undi Datuk Nasir Sakaran pada PRU-13. Manakala jumlah majoriti yang diterima sekitar 5,301 undi bersamaan 50.7 peratus daripada bilangan pengundi yang hadir (SPR, 2018a; SPR, 2018d).

Populariti DSSA bukan setakat ada pada susuk tubuhnya, tetapi tempiasnya merebak kepada calon yang bertanding atas tiket parti Warisan yang diketuainya. Ini dilihat apabila calon parti Warisan memenangi semua kerusi DUN dan parlimen Semporna dengan jumlah undi popular melebihi 70.0 peratus (Jadual 2). Manis Muka yang tidak sepopuler berbanding Tun Sakaran telah mampu menjinakkan Datuk Razak di N.54 Bugaya dengan majoriti 7,851 undi dan mendapat 75.4 peratus undi popular (SPR, 2018e). Begitu juga dengan Datuk Jaujan yang menang dengan majoriti 4,926 undi dengan jumlah undi popular sekitar 72.4 peratus mengalahkan Datuk Haji Harman di N.52 Sulabayan (SPR, 2018c). Aura populariti DSSA bukan sahaja berhenti di sempadan pilihan raya SPR Semporna tetapi merebak ke



kawasan DUN dan Parlimen yang berdamping dengannya. Calon-calon BN berhadapan dengan saingan sengit dengan penurunan peratus undi popular di semua DUN dan Parlimen di bahagian Pantai Timur yang berdamping dengan Semporna seperti ditunjukkan pada Rajah 5. BN yang sebelum ini menguasai semua parlimen berdampingan Semporna pada PRU-13, akhirnya tewas di P.188 Silam, P.190 Tawau, P.191 Kalabakan termasuk DUN N.49 Tunku, N.50 Lahad Datu, N.51 Kunak dan N.56 Merotai. Tidak dapat dibayangkan pemimpin hebat Kalabakan, Datuk Seri Abdul Ghapur Salleh yang sukar ditumbangkan pada pilihanraya-pilihanraya lepas, akhirnya tersungkur di tangan muka baru saudara Ma'mun Sulaiman dengan majoriti 3,187 di atas tiket Warisan. Ghapur yang menang sebanyak 23,125 undi popular pada PRU-13, terpaksa direhatkan apabila hanya mampu menjana undi sekitar 15,299 pada PRU-14.


CALON	PARTI	P.189 SEMPORNA		N.52 SULABAYAN		N.53 SENALLANG		N.54 BUGAYA	
		JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%
Datuk Ramlee Marahaban	BN	6,135	17.7	-	-	-	-	-	-
Abdul Nasir Ab. Raup	PAS	384	1.1	139	1.4	-	-	-	-
Asmara Asmad	PHR	98	0.3	-	-	-	-	-	-
Datuk Harman Mohamad	BN	-	-	2,190	22.3	-	-	-	-
Utung Tanjung Baru	PHR	-	-	54	0.5	-	-	-	-
Datuk Nasir Sakaran	BN	-	-	-	-	2,453	23.5	-	-
Razak Sakaran Dandai	BN	-	-	-	-	-	-	2,811	19.9
Mahamod Sarahil	PAS	-	-	-	-	-	-	144	1.0
Kulli Maralam	PKS	-	-	-	-	-	-	67	0.5
Mohammad Said Tiblan	PPRS	-	-	-	-	-	-	57	0.4
Abd. Muksin Mohammad Hassan	Bebas	-	-	-	-	-	-	15	0.1
Mohd. Shafie Haji Apdal	WARISAN	26809	77.5	-	-	7,754.0	74.2	-	-
Datuk Jaujan Sambakong	WARISAN	-	-	7,116	72.4	-	-	-	-
Manis Buka Mohd. Darah	WARISAN	-	-	-	-	-	-	10,662	75.4
MAJORITI		20,674	59.7	4,926	50.1	5,301	50.7	7,851	55.5
BILANGAN PENGUNDI YANG HADIR		34,613		9,823		10,451		14,137	
PERATUSAN PENGUNDIAN		71.74		70.24		72.58		71.17	

**Jadual 2** Keputusan PRU-14 bagi kawasan Semporna  
*Sumber* Ubah suai daripada SPR (2018b, c,d,e). *Utusan Online* (2018)

Jika dibandingkan dengan PRU-13, peratus undi popular BN pada PRU-14 telah merosot sebanyak 19.9 peratus kepada 38.3 peratus di P.188 Silam, berkurangan 15.6 peratus kepada 38.0 peratus di P.190 Tawau dan menjunam sebanyak 23.6 peratus menjadi 40.2 peratus di P.191 Kalabakan. DUN-DUN yang masih kekal dimenangi oleh BN juga menerima nasib yang



sama. N.55 Balung sebagai contoh, undi popular telah menyusut sebanyak 27.5 peratus, N.56 Apas berkurangan sebanyak 19.9 peratus, manakala N.59 Tanjung Batu dan N.60 Sebatik masing-masing menjunam sebanyak 26.3 peratus. Penyusutan yang besar ini memberi satu signal bahawa parti yang berpangkalan di Semenanjung ini sudah ditolak oleh rakyat Sabah dengan kebijakan DSSA mengemudi parti baharu kelahiran Sabah. Warisan yang beraspirasi Sabah untuk Sabahan telah berjaya menjulang populariti DSSA sehingga berlaku tsunami di pantai Timur Sabah dan mengulangi sejarah pertukaran parti seperti zaman USNO (1976, BERJAYA ambil alih), BERJAYA (1985, PBS ambil alih) dan PBS (1995, UMNO ambil alih).



**Rajah 5** Peratus penyusutan undi popular BN pada PRU-14 berbanding PRU-13

Sumber Ubah suai SPR (2018a) dan Utusan Online (2018)

## KESIMPULAN

Penonjolan dan pelebaran politik DSSA ke puncak kuasa disusun-atur oleh UMNO-BN. Kemasukan UMNO pada awal 1995 merupakan mercu tanda kepada penggilapan bakat beliau yang sudah dimulakan sejak zaman USNO. Kejayaannya mengekalkan kuasa di parlimen Semporna membolehkan ia sebagai pemimpin pantai Timur Sabah berjaya yang berjaya diangkat dalam kabinet Malaysia dan menjadi orang nombor tiga dalam parti UMNO di peringkat Pusat. Pelebaran kuasanya sehingga menjadi Ketua Menteri Sabah dipacu juga oleh UMNO melalui penganiayaan terhadap dirinya. Walaupun ramai yang beranggapan, penyingkiran ini merupakan penamat riwayat politiknya namun kebijaksanaannya untuk pantas membangunkan orang-orang Semporna untuk bersama beliau telah menyelamatkan karier politiknya. Slogan-slogan ‘*nipohingi*’, ‘*bog-bog*’ dan ‘*Ununganta DSSA*’ berjaya dimanipulasi oleh agen-agensya sehingga ia telah berjaya membentuk sokongan dan solidariti yang utuh kepada DSSA terutamanya di daerah Semporna. Akhirnya melalui parti keramat, Warisan yang ditubuhkan pada Oktober 2016 telah berjaya membantunya mengekalkan legasi walaupun terpaksa berhadapan dengan anak-anak Tun Sakaran. Suatu yang sudah pasti menyedihkan beliau ialah misi “*do-or-die*” yang digunakan menyebabkan legasi Tun Sakaran yang merupakan mentor politiknya terpaksa dikuburkan pada PRU-14. Apa pun yang berlaku, ia sudah tetap menjadi sejarah. Nama DSSA telah menjulang di Pusat Pentadbiran Negeri Sabah (PPNS) di Teluk Likas, Kota Kinabalu. Namanya juga telah membentuk satu legasi baharu di Semporna menggantikan legasi Tun Sakaran. Sejauh mana ia bertahan, tempoh lima tahun ini sudah pasti tahun-tahun mencabar untuk DSSA mengekal legasinya.

## PENGHARGAAN

Para penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak UMS melalui geran penyelidikan SDK0038-2018. Para penulis juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Jane Wong Kon Ling, rakan-rakan dan penilai makalah ini di atas komen yang membina bagi memperbaiki makalah ini.

## NOTA

<sup>1</sup> *Nipohingi* merupakan bahasa Bajau Semporna yang membawa maksud satu keadaan seseorang yang dianiaya dari belakang oleh orang lain bagi tujuan menjatuhkannya.

<sup>2</sup> *Bog-bog* adalah satu sentimen setia kawan, solidariti dan persahabatan

<sup>3</sup> *Unungta* DSSA bermaksud berjuang bersama DSSA sama ada dalam keadaan susah atau senang.

## RUJUKAN

- Abdullah Sani Haji Abdul Salleh. (2010). Jakarullah, Pejuang Semporna terbilang. *Sabahkini.net*. Dilayari daripada <http://sabahkinimirror.blogspot.com/2010/07/jakarullah-pejuang- semporna-terbilang.html>
- Ariffuddin Ishak. (2015). Kontrak CEO Mara Inc. tidak disambung. *Star Media Group Berhad*. Dilayari daripada <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2015/11/05/kontrak-ceo-mara-inc-tamat/>
- Au, F. (2017). Shafie Apdal Sebenarnya Menjadi ‘Trend Setter’: Nokuro Warisan? *Borneo Today*.
- Borneo Today*. (2017). Pertarungan Habis-habisan antara Musa Aman, Shafie Apdal pada PRU-14.
- Dalia Ismail. (2016). Pecat dan gantung ahli: Umno seperti parti ‘kongsi gelap’. *Malaysia Dateline*. Dilayari daripada <https://malaysiadateline.com/pecat-dan-gantung-ahli-umno-seperti- kumpulan-kongsi-gelap/>.
- Desai, U. & Menon, P. (2015). Malaysia’s IMDB faces fresh debt payment test. *Reuters*.
- Eko Prayitno Joko. (2014). Isu pemilikan wilayah Pantai Timur Sabah: Satu penelusuran daripada sudut sumber sejarah. *Jurnal Kinabalu*. 20, 1–34
- Eko Prayitno Joko, Zaini Othman & Saat Awg. Damit. (2016). Belia dan kelangsungan hegemoni Barisan Nasional: Kajian kes Pilihan Raya Umum 13 di Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo*. Edisi Khas, 1–18.
- Helme Hanafi. (2016). ‘Pemberontakan’ Bajau Semporna ditumpaskan: Nasir Sakaran ganti Shafie. Dilayari daripada <http://www.agendadaily.com/Muka- Hadapan/ pemberontakan-bajau-semporna-ditumpaskan-nasir-sakaran-ganti-shafie.html>
- Kay Suhaimi. (2018). Sejarah penubuhan Parti Keadilan Rakyat dan Pakatan Harapan. *Illuminasi*. Dilayari daripada <https://iluminasi.com/bm/sejarah-penubuhan-parti-keadilan-rakyat-dan-pakatan-harapan.html>
- Kelapa Mawar. (2016). Datuk Shafie Apdal terlibat dalam kes jabatan air Sabah atau tidak? Dilayari daripada <http://kelapamawar.blogspot.com/2016/10/datuk-shafie-apdal-terlibat-dalam-kes.html>. 8 Okt.
- Kerja lapangan. (2018). Pulau Bum-Bum. Pelajar Geografi, Universiti Malaysia Sabah. 22–24 Mac.

- Lee Kuok Tiung & Mohd Safar Hashim. (2009). Media framing of a political personality: A case study of a Malaysian politician. *European Journal of Social Science*. 9 (3), 408–424.
- Leo, B. (2015). Ucapan Muhyiddin Yassin hentam 1MDB. Youtube. Dilayari daripada <https://www.youtube.com/watch?reload=9&v=1okk5qH1rwY>. 21 May.
- Malaysia. (2015). *Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2014*. Jabatan Perangkaan Malaysia, Sabah.
- Malaysiakini. (2016). Shafie Apdal pula keluar Umno. Dilayari daripada <https://www.malaysiakini.com/news/347623>. 4 Jul.
- Miwil, O. & Fazleena Aziz. (2016). Shafie's party name, logo approved, to be called 'Parti Warisan Sabah'. The New Straits Times. Dilayari daripada <https://www.nst.com.my>. 17 October.
- Mstar. (2018). PM sampaikan dua berita gembira kepada penduduk Semporna. Star Media Group Berhad. Dilayari daripada <http://www.mstar.com.my>. 9 April.
- Ramli Dollah & Kamarulnizam Abdullah. (2017). Kepesatan pembangunan ekonomi dan dasar tenaga kerja di Sabah 1960an–1980an. *MANU*. 25, 49–74.
- Ramli Dollah & Kamarulnizam Abdullah. (2018). The securitization of migrant workers in Sabah, Malaysia. *Journal of International Migration & Integration*. 19 (3), 17–735.
- Ramli Dollah, Wan Shawaluddin Wan Hassan, Diana Peters & Marja Azlima Omar. (2003). Pendatang Islam Filipina di Sabah: Satu Pemerhatian dari Sudut Keselamatan. *JATI: Jurnal Jabatan Asia Tenggara Universiti Malaya*, 8, 217–240.
- Ramli Dollah. & Wan Shawaluddin Wan Hassan. (2006). Jenis-jenis dan masa depan pengangkutan air dalam kalangan masyarakat Bajau dan Suluk di Sabah. *Malaysia dari Segi Sejarah*. 34, 121–138.
- SabahKini2. (2017). Siapa kata Shafie Apdal tak rasuah? Banglo mewah hartamas heights RM13 juta miliknya. Dilayari daripada <http://sabahkini2.com/en/news/211/siapa-kata-shafie-apdal-tak-rasuah-banglo-mewah-hartamas-heights-rm13-juta-miliknya/view>. 5 Dis.
- Sabihah Osman. (2008). Pembangunan politik Sabah: Satu penelusuran sejarah. *Jurnal Kinabalu*. 14. 1–27.
- Sidhu, J. S. (2009). Terengganu Investment Authority to be federal body. *The Star*. 22 Julai SPR. (2008). Keputusan Rasmi Pilihan Raya ke-12. Dilayari daripada [http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5\\_KedudukanAkhir.php](http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php). 15 September
- SPR. (2016a). Pelan bagi maksud Seksyen 7 Akta Pilihan Raya 1958 menunjukkan sempadan daerah mengundi dalam bahagian pilihanraya persekutuan P.189 Semporna, Negeri Sabah. Jabatan Tanah dan Ukur, Negeri Sabah.
- SPR. (2016b). Pelan bagi maksud Seksyen 7 Akta Pilihan Raya 1958 menunjukkan sempadan daerah mengundi dalam bahagian pilihanraya persekutuan P.188 Silam, Negeri Sabah. Jabatan Tanah dan Ukur, Negeri Sabah.

- SPR. (2016c). Pelan bagi maksud Seksyen 7 Akta Pilihan Raya 1958 menunjukkan sempadan daerah mengundi dalam bahagian pilihanraya persekutuan P.190 Tawau, Negeri Sabah. Jabatan Tanah dan Ukur, Negeri Sabah.
- SPR. (2016d). Pelan bagi maksud Seksyen 7 Akta Pilihan Raya 1958 menunjukkan sempadan daerah mengundi dalam bahagian pilihanraya persekutuan P.191 Kalabakan, Negeri Sabah. Jabatan Tanah dan Ukur, Negeri Sabah.
- SPR. (2018). Daftar pemilih induk suku 4/2017: P.189 Semporna. Suruhanjaya Pilihan Raya Sabah.
- SPR. (2018a). Keputusan Pilihan Raya. Atas talian <http://www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihanraya>. 15 September.
- SPR. (2018b). Helaian mata bahagian pilihanraya negeri: P.189 Semporna. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. Putrajaya.
- SPR. (2018c). Helaian mata bahagian pilihanraya negeri: N.52 Sulabayan. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. Putrajaya.
- SPR. (2018d). Helaian mata bahagian pilihanraya negeri: N.53 Senallang. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. Putrajaya.
- SPR. (2018e). Helaian mata bahagian pilihanraya negeri: N.54 Bugaya. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. Putrajaya.
- Suzianah Jiffar & Mohd Izham Unnip Abdullah. (2017). Shafie Apdal ditahan SPRM. *New Straits Times*. 19 Oktober
- Temu bual, Mokhtar (bukan nama sebenar), Semporna, 2 Februari 2018.
- Temu bual, Taufik, Semporna, 2 Februari 2018.
- Utusan*. (2018). Peta Kawasan Pilihan Raya Negeri Sabah. Dilayari daripada Utusan <http://www.utusan.com.my>.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. (2007). Impak kehadiran pendatang Filipina di Kampung Air di Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 15, 89–114.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. (2011). *Pendatang dan keselamatan di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Wn.com. (2016). Shafie Apdal ajak Sabahan berani berubah. Dilayari daripada [https://wn.com/shafie\\_apdal\\_ajak\\_sabahan\\_berani\\_berubah](https://wn.com/shafie_apdal_ajak_sabahan_berani_berubah)
- Zakri Ali. (2015). Kehidupan mewah luar biasa skandal Shafie Apdal. Blogger. Dilayari daripada <http://atsixty-zakriali.blogspot.com/2015/05/bongkar-kehidupan-mewah-luar-biasa.html>.
- Zaini Othman, Eko Prayitno Joko, Ramli Dollah, Amrullah Maraining & Kim Jong Eop. (2016). Malaysia's 13th General Election: Sabah-Barisan Nasional Fixed-Deposit State? *Southeast Asia Review*, Korea, 26 (3): 91–118.

